

KERAJAAN NEGERI KELANTAN

PEKELILING PENGARAH TANAH DAN GALIAN KELANTAN

BILANGAN 7 TAHUN 2020

KADAR ROYALTI BAGI PEMINDAHAN BAHAN BATUAN (BATU KUARI) DARI NEGERI KELANTAN ATAU KE LAIN-LAIN NEGERI DAN KE LUAR NEGARA BAGI TEMPOH TIGA (3) TAHUN BERMULA TAHUN 2020 SEHINGGA TAHUN 2022

Pekeliling ini dikeluarkan untuk memaklumkan semua Pentadbir Tanah di seluruh Negeri Kelantan bahawa Pihak Berkuasa Negeri melalui Persidangan Majlis Mesyuarat Kerajaan Kali Ke 05/2020 yang bersidang pada 18/03/2020 telah membuat keputusan meluluskan Kadar Royalti Bagi Pemindahan Bahan Batuan (Batu Kuari) dari Negeri Kelantan Atau Ke Lain-lain Negeri dan Ke Luar Negara Bagi Tempoh Tiga (3) tahun bermula tahun 2020 sehingga tahun 2022 sebagaimana berikut :

1. Kadar fee/royalti pemindahan bahan batuan (batu kuari) bagi tempoh tiga (3) tahun bermula tahun 2020 sehingga tahun 2022 ditetapkan sebagaimana berikut:

BIL	PERKARA	NEGERI KELANTAN(RM)	LAIN-LAIN NEGERI(RM)	LUAR NEGARA (RM)
a.	Batu Kuari	3.10/MT	5.00/MT	6.00/MT

JADUAL 1

2. Berdasarkan kepada Jadual 1, kadar bayaran royalti pemindahan batu batan (batu kuari) di **Negeri Kelantan dikekalkan** pada harga **RM3.10/MT**.
3. Kadar bayaran royalti pemindahan bahan batuan (batu kuari) ke **Lain- lain Negeri dikurangkan dari RM8.00/MT kepada RM5.00/MT**, iaitu pengurangan sebanyak RM3.00/MT.
4. Kadar bayaran royalti pemindahan bahan batuan (batu kuari) ke **Luar Negara dikurangkan dari RM10.00/MT kepada RM6.00/MT**, iaitu pengurangan sebanyak RM4.00/MT.
5. Bagi permohonan pemindahan / eksport bahan batuan (batu kuari) di **Negeri Kelantan, Lain-Lain Negeri dan Luar Negara**, bayaran-bayaran yang perlu dibuat adalah sebagaimana berikut;

5.1 Pemohon mesti mendapatkan permit pemindahan Borang 4C KTN 1965 di Pejabat Pengarah Tanah Dan Galian Kelantan.

5.2 Bayaran deposit sebanyak 10% dikenakan mengikut jumlah bayaran royalti bahan batuan yang akan dipindahkan / dieksport.

5.3 Docket Pemindahan = mengikut kuantiti pemindahan.

5.4 Kadar bayaran royalti pemindahan bahan batuan (batu kuari) seperti berikut:-

a) **Negeri Kelantan** = **RM 3.10/MT**

b) **Lain-Lain Negeri** = **RM 5.00/MT**

c) **Luar Negara**

= RM 6.00/MT

5.5 Kadar bayaran Permit:-


a) Permohonan / pengeluaran permit di **Negeri Kelantan** = **RM 200.00**

b) Permohonan / pengeluaran permit ke **Lain-Lain Negeri** = **RM 500.00**

c) Permohonan / pengeluaran permit ke **Luar Negara**= **RM 1,000.00**

6. Kuantiti pemindahan seterusnya tertakluk kepada semakan, pertimbangan dan kelulusan oleh Pengarah Tanah dan Galian Negeri Kelantan.
7. Bagi Syarikat Batu Kuari yang ingin menjalankan pemindahan bahan batuan (batu kuari) ke Lain-Lain Negeri dan Luar Negara perlulah menggunakan sistem e-kuari.
8. Pemohon perlu mendapat kelulusan lesen eksport dari pihak berkuasa yang berkenaan.
9. Tempoh permit yang dikeluarkan untuk satu pemindahan di Negeri Kelantan adalah setiap awal bulan iaitu **1hb hingga 31hb setiap bulan** mengikut kalendar dengan kadar bayaran permit **RM200.00**.
10. Tempoh permit eksport ke Lain-Lain Negeri dan Luar Negara tertakluk kepada permit eksport yang dikeluarkan oleh **Kementerian Air, Tanah dan Sumber Asli** serta **borang K2 (untuk eksport ke Luar Negara)** dan **K3 (untuk eksport ke Lain-Lain Negeri)** yang dikeluarkan oleh **Jabatan Kastam Diraja Malaysia** sebagaimana di perenggan **5.5 Kadar Bayaran Permit**.
11. Tempoh pengurangan harga royalti baru bermula tahun 2020 sehingga tahun 2022 (tempoh untuk 3 tahun sahaja).

12. Kelulusan untuk mengeksport bahan batuan (batu kuari) ke Lain-Lain Negeri dan ke Luar Negara ini tertakluk kepada kebenaran atau kelulusan Pihak Berkuasa lain yang berkenaan **selama 3 tahun dengan 2 kali pembaharuan** (satu tempoh yang tidak lewat pada penghujung tahun kalendar). Selepas tempoh 3 tahun ini, pengusaha-pengusaha batu kuari akan dikenakan bayaran pemindahan bahan batuan (batu kuari) di **Negeri Kelantan RM3.10/MT**, ke **Lain-Lain Negeri RM8.00/MT** dan **Luar Negara RM10.00/MT** mengikut kuantiti pengeluaran / eksport dengan kadar sebagaimana **Pekeliling Pengarah Tanah Dan Galian Kelantan Bil 6 Tahun 2018 – Pelaksanaan Pindaan Kadar Bayaran Pejabat Di Bawah Kaedah 21, Kaedah-Kaedah Tanah Kelantan 1966** sebagaimana surat **PTG.KN.11/6/1 (6)** yang telah diedarkan pada **31 Disember 2018** dan telah dimaklumkan juga dalam portal Pejabat Pengarah Tanah dan Galian Kelantan.
13. Sehubungan dengan itu, semua Pentadbir Tanah hendaklah mengambil maklum akan keputusan Pihak Berkuasa Negeri dan mengambil tindakan sewajarnya bagi melaksanakan keputusan ini. Pekeliling ini berkuat kuasa serta merta pada tarikh ia dikeluarkan.



.....
DATO' HAJI ZAMRI BIN HAJI ISMAIL, D.P.S.K.(Kelantan), K.M.N.
PENGARAH TANAH DAN GALIAN
KELANTAN.

KEPADA:

Yang Amat Berbahagia Dato' / Yang Amat Berusaha
Semua Pentadbir Tanah Negeri Kelantan.

SALINAN KEPADA:

1. YAB. Ustaz Dato' Bentara Kanan Menteri Besar Negeri Kelantan.
2. YB. Dato' Timbalan Menteri Besar Negeri Kelantan.
3. YB. Dato' Kaya Setia Setiausaha Kerajaan Negeri Kelantan.
4. YB. Dato' Pegawai Kewangan Negeri Kelantan.
5. YB. Dato' Penasihat Undang-Undang Negeri Kelantan.
6. YABrs. Pengarah Audit Negeri Kelantan.
7. YBrs. Ketua Penolong Setiausaha Majlis Mesyuarat Kerajaan Kelantan.

PEJABAT PENGARAH TANAH DAN GALIAN
NEGERI KELANTAN
BLOK 3, KOTA DARULNAIM
15576 KOTA BHARU KELANTAN.

NO FAIL : PTG.KN.11/6/1(43) (PTG.PK. 18/5-44/2020)
BERTARIKH : 21 Mei, 2020/ 28 Ramadhan, 1441H